



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"BERWASPADA MENJAGA KESELAMATAN DIRI DAN KELUARGA"

9 Julai 2021 / 28 Zulkaedah 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْبِمُعْوثِ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّديدِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ³ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾⁴

Maksudnya: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baikilah perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. (Surah Al-Baqarah ayat 195)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita amat bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan penentuan Nya juga, pada hari ini kita dapat menjadi tetamu di rumah Allah untuk menunaikan Solat Jumaat yang kita begitu rindu mahu mendirikannya. Peluang membolehkan ummah mendirikan Solat Jumaat pada hari ini, merupakan satu anugerah besar daripada Mu Ya ALLAH. Kami bersyukur kepada Mu Ya Allah! Sesungguhnya hamba-hamba Mu ini, tidak dapat mengungkapkan dengan kata-kata untuk menggambarkan rasa teramat gembira dapat kembali berkunjung ke rumah Mu, Ya Allah. Semoga Jumaat 28 Zulkaedah ini, merupakan satu sinar yang baik, membolehkan umat Islam kembali mengimarahkan rumah-rumah Allah dengan kegiatan-kegiatan ibadah, setelah sekian lama kita diarahkan memberhentikan aktiviti-aktiviti di masjid dan surau, untuk mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah Nya, dan meninggalkan segala larangan Nya. Moga-moga kita dikurniakan kesihatan dan kekuatan yang dapat melindungi diri dan keluarga kita daripada sebarang keburukan. Amin, Ya Rabul Alamin. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“BERWASPADA MENJAGA KESELAMATAN DIRI DAN KELUARGA”**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Firman Allah SWT dalam ayat 195, Surah Al-Baqarah, memperingatkan kita bahawa seorang mukmin, tidak hanya bergantung kepada ibadahnya semata-mata, seperti berzikir, bersedekah dan sebagainya. Akan tetapi seorang mukmin itu juga, sentiasa prihatin dan berhati-hati terhadap perkara-perkara yang boleh memudaratkan dan mengancam keselamatan dirinya dan ahli keluarganya.

Seorang mukmin perlu berusaha sebaik mungkin untuk memastikan dirinya dan ahli keluarganya, melakukan amal baik dan dijauhi daripada sebarang perkara yang boleh mendatangkan keburukan; bermula dengan diri kita sendiri menunjukkan sebaik-baik contoh teladan, baik secara pertuturan begitu juga secara perbuatan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Saban minggu, mimbar memperingatkan para jemaah untuk sama-sama menjaga kebajikan diri dan keluarga, lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia sedang menghadapi wabak pandemik Covid-19 yang telah membawa musibah kepada banyak pihak. Sebilangan rakyat kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan; semakin ramai yang sudah habis wang simpanan, putus bekalan makanan, tiada tempat tinggal, dan kini terpaksa bergantung pada ihsan bantuan untuk meneruskan kehidupan harian.

Dilaporkan banyak syarikat dan perniagaan yang telah ditutup, ada yang jatuh mufliis. Semakin ramai yang kehilangan ahli keluarga, semakin ramai yang menghadapi tekanan emosi serta kemurungan, dan sangat mendukacitakan bilangan yang hilang pertimbangan hingga sanggup membunuh diri semakin meningkat.

Negara sedang merintis pelbagai usaha untuk membolehkan rakyat dapat kembali melalui cara hidup seperti biasa. Hasrat tersebut akan melalui proses yang lama, dan sangat tertakluk kepada angka-angka jangkitan yang masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan yang meyakinkan. Dalam suasana kemelut ekonomi yang dihadapi ketika ini, dibimbangkan,



kemungkinan berlakunya peningkatan jenayah terutama jenayah-jenayah kecil seperti ragut, penyeluk saku, pecah rumah, pecah kereta dan pelbagai lagi.

Dalam kebimbangan kemungkinan tersebut, Mimbar berpesan kepada para jemaah untuk memperingati ahli keluarga agar senantiasa berwaspada terhadap perkara-perkara berikut:

Pertama: Berhati-hati dan peka dengan keadaan sekeliling ketika berada di luar rumah; elakkan daripada memakai barang-barang hiasan berharga dan jika tidak diperlukan dalam kalangan wanita, elak daripada membawa beg tangan.

Kedua: Berhati-hati menggunakan telefon bimbit semasa berada dalam khalayak ramai untuk mengelak daripada menjadi sasaran peragut.

Ketiga: Berhati-hati, dan kalau berasa curiga, elak atau tangguhkan daripada memasuki lif bersama orang yang tidak dikenali.

Keempat: Gunakan jalan utama yang sering digunakan oleh orang ramai dan jangan mengambil laluan terpencil atau laluan pintas yang sunyi.

Kelima: Tidak berseorangan ke tempat letak kereta terutama di tempat yang gelap dan sunyi.

Keenam: Jangan memberanikan diri berhenti pada malam hari kalau terlintas dengan kenderaan yang kelihatan rosak tersadai di pinggir jalan, di sebaliknya, bantuan boleh dihulurkan dengan memaklumkan lokasi dan nombor kenderaan yang tersadai kepada pihak polis.

Ketujuh: Elak membawa wang tunai melebihi daripada jumlah yang diperlukan.

Kelapan: Pilih waktu dan tempat yang ada ramai orang ketika berurusan dengan mesin ATM.

Kesembilan: Menghubungi ahli-ahli keluarga secara berkala, baik yang berada di rumah atau di tempat kerja, lebih-lebih lagi mereka yang sedang dalam perjalanan, untuk memastikan mereka dalam keadaan selamat.

Kesepuluh: Jika menggunakan perkhidmatan teksi atau e-hailing, sila kongsi maklumat perjalanan anda dengan segera, memaklumkan waktu dan laluan perjalanan kepada ahli keluarga atau rakan serumah.



Kesebelas: Pastikan anak-anak yang bersekolah pulang ke rumah seawal mungkin dan nasihatkan anak-anak seboleh-bolehnya tidak berseorangan semasa perjalanan ke sekolah atau ke tempat tuisyen, dan hendaklah menunggu ketibaan kenderaan atau ibu bapa di tempat yang tidak sunyi.

Kedua belas: Pastikan pintu rumah senantiasa dikunci dan tetapkan jarak selamat dari pintu ketika berurusan dengan orang tidak dikenali yang tiba-tiba muncul di hadapan rumah.

Langkah berhati-hati ini hendaklah dijadikan panduan bagi mengelakkan diri dan ahli keluarga menjadi mangsa jenayah. Setelah kita berusaha dan berikhtiar, kepada Allah jualah kita bermohon dan bertawakal agar diberikan keselamatan daripada sebarang malapetaka dan mudarat yang membahayakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ وَكَفَى، وَأُصَلِّي وَأُسَلِّمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُصْطَفَى، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ الْوَفَا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Dirikanlah solat ketika lapang mahupun sempit, sihat ataupun sakit. Walau sesibuk mana kita bekerja, janganlah sekali-kali kita melalaikan solat. Mudah-mudahan kita mendapat naungan dan kasih sayang Allah, di dunia mahupun di akhirat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ،
وَتَثْبِثْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ
وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ،
وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ،
عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta hindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan. **Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa Untuk Kaum Muslimin



فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.